



TRANSFORMASI PENDIDIKAN GLOBAL

SITI SUHAIDAH SAHAB
JOHAN @ EDDY LUARAN
FARAH QHAIRUNNISA MOHD YAZID



© Penerbit UiTM, UiTM 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan




Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-496-000-8 (hardback)

Pereka Kulit Buku : Mohamad Amini Faridzul Fitri Ibrahim
Pereka Letak : Pereka Grafik Jabatan Pendidikan Lanjutan iCEPS

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM
Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam Selangor



Kandungan

Prakata i	vii
Prakata ii	ix
Prakata iii	xi
Prakata iv	xiii
Pengenalan	xv
Bab 1: Sejarah Penubuhan iCEPS	1
Bab 2: Transformasi Institusi	5
Bab 3: Pembelajaran Sepanjang Hayat	25
Bab 4: Projek Berimpak Tinggi	45
Bab 5: Pengantarabangsaan dan Hubungan Strategik	57
Bab 6: Pemerkasaan Pendidikan Digital	71
Bab 7: Anugerah dan Pengiktirafan	95
Bab 8: Tanggungjawab Korporat, Komuniti dan Sosial	109



Prakata i Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dengan segala rasa syukur, tahniah diucapkan kepada Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) atas kejayaan penerbitan buku "iCEPS 50 Tahun: Transformasi Pendidikan Global". Buku ini bukan sahaja merupakan satu sumbangan berharga dalam sejarah pendidikan negara, tetapi juga satu pencapaian cemerlang dalam memperingati peringkat penting dalam sejarah institut ini.

Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) telah berperanan penting dalam menyediakan peluang pendidikan kepada masyarakat Malaysia sejak penubuhannya 50 tahun yang lalu. Buku ini menjadi satu tonggak sejarah yang memaparkan perjalanan iCEPS dan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sumbangan dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh semua pihak yang terlibat.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa Penulisan Buku iCEPS 50 Tahun *Transformasi Pendidikan Global* atas usaha dan kegigihan dalam menyiapkan buku ini. Semoga buku ini akan menjadi rujukan kepada institusi lain khususnya yang berkaitan dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Pengenalan

Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan entiti yang berperanan dalam menyediakan pendidikan berterusan kepada pelajar dewasa dan profesional di Malaysia. Melalui lebih daripada 50 tahun pengalaman dalam bidang ini, iCEPS telah menjadi pencetus transformasi pendidikan berterusan di negara ini. iCEPS menawarkan pelbagai program pengajian profesional dan berterusan yang merangkumi pelbagai bidang seperti perniagaan, sains, teknologi maklumat, kewangan, sumber manusia, dan banyak lagi. Program-program ini dirancang khusus untuk memenuhi keperluan individu yang ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, sama ada untuk pembangunan kerjaya atau peningkatan diri. Selain itu, iCEPS turut menyediakan kursus-kursus pendidikan berterusan dalam talian yang membolehkan pelajar mengakses pembelajaran tanpa mengira jarak geografi. Hal ini merupakan langkah proaktif dalam memastikan aksesibiliti kepada pendidikan yang berkualiti. Ketekunan iCEPS dalam penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pendidikan berterusan telah membantu memacu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan kerjasama dengan industri dan agensi kerajaan adalah bagi memastikan program-program mereka sentiasa relevan dengan keperluan pasaran kerja. Selain itu, iCEPS juga terkenal dengan penyediaan kursus persediaan peperiksaan profesional dan pensijilan yang diiktiraf, serta memberi peluang kepada graduan untuk mendapatkan pengiktirafan dan kebolehpasaran yang lebih baik. Slogan “Preparation for Life” bagi iCEPS menggambarkan komitmen iCEPS dalam memberikan pendidikan sepanjang hayat yang membantu masyarakat bersedia untuk cabaran kehidupan, memberi penekanan kepada pembelajaran yang relevan dan keupayaan untuk berkembang dalam dunia yang sentiasa berubah. Pengiktirafan dan reputasi iCEPS sebagai pemimpin dalam pendidikan berterusan di Malaysia menjadikannya destinasi pilihan bagi individu yang berhasrat untuk terus memperbaiki diri dan mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka. Institut ini terus berusaha untuk meneraju transformasi pendidikan berterusan di Malaysia dan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan modal insan negara.